

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
PERHIMPUNAN AGUNG PERSATUAN MAHASISWA 2010
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia, Prof. Madya Dr Kassim Md Mansur
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Yang Berusaha En. Masri Judah
Penolong Pendaftar Kanan Hal Ehwal Pelajar (HEP).

Timbalan-timbalan Dekan sekolah-sekolah,

Pengetua-Pengetua kolej kediaman

Saudara Faezan bin Amidun
Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah Sesi 2009/2010

Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010

Mantan Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2008/2009

Para pegawai dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah.

Mahasiswa-Mahasiswi

Hadirin dan hadirat Yang Dihormati Sekalian.

Pertama sekali saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat berhimpun pada Majlis Perhimpunan Agung Persatuan Mahasiswa (PMUMS) Universiti Malaysia Sabah 2010 pada petang ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) atas kejayaan penganjuran terhadap perhimpunan yang penuh bermakna ini. Saya difahamkan majlis ini yang dianjurkan dengan kerjasama Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) dan Persatuan Mahasiswa setiap sekolah turut akan memperkenalkan barisan kepimpinan MPP UMS sesi 2009/2010 kepada para pelajar di universiti ini. Menerusi sesi itu, saya percaya perhimpunan agung ini sekaligus akan merapatkan hubungan antara barisan kepimpinan sekolah dan kolej kediaman dengan mahasiswa-mahasiswi UMS.

Para hadirin sekalian,

Menjadi seorang pemimpin bukanlah mudah. Dalam erti kata lain kita harus menunjukkan teladan dan sikap yang positif agar kita sentiasa dihormati dan mendapat kepercayaan daripada seluruh pelajar yang kita wakili. Jangan sekali-sekali menunjukkan tingkahlaku yang tidak baik kerana bagi masyarakat di luar sana, tingkahlaku anda secara langsung akan mencerminkan tingkahlaku pelajar UMS secara keseluruhannya. Kita sentiasa menjadi perhatian dan tumpuan malahan akan menjadi bahan bicara di kalangan para pelajar universiti. Oleh itu seorang pemimpin harus mempunyai ciri keperibadian yang berkualiti dan gaya kepimpinan yang penuh bijaksana.

Berbicara tentang pemimpin ini ibaratnya seperti sekeping mata wang yang memiliki dua permukaan yang berbeza, tetapi tidak boleh dipisahkan dalam fungsinya. Untuk menjadi seorang pemimpin yang baik, mungkin telah banyak buku dan sekolah yang mengajarkannya, sedangkan kepimpinan banyak melekat pada perilaku yang akan diterapkan oleh pemimpin dalam membina anggotanya.

Untuk makluman para pelajar sekalian khasnya kepada barisan kepimpinan pelajar yang baru, saya ingin menegaskan bahawa ramai yang akan menilai tahap kepimpinan anda setelah bergelar sebagai pemimpin. Namun jangan gentar kerana sememangnya sesiapa pun berhak menilai pemimpin mereka mengikut kaca mata, kayu pengukur dan selera masing-masing. Ada yang mahu menilai kekuatan daya fikir, daya pimpinan, integriti, nilai murni atau keagamaan pemimpin. Yang penting anda melaksanakan tugas dengan baik, berfikir secara matang dan menonjolkan nilai-nilai murni serta mampu menggalas cabaran sebagai wakil kepada pelajar-pelajar di universiti yang kita cintai ini.

Para pelajar yang saya kasihi,

Sebagai pemimpin yang berdedikasi sudah sewajarnya melaksanakan segala amanah dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab. Para MPP perlu bersatupadu dan bekerja secara berpasukan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Jangan sesekali iri terhadap sesama sendiri kerana ia tidak membawa sebarang faedah melainkan akan menjadi punca keruntuhan dalam organisasi kepimpinan. Anda harus menjadi pemimpin yang berani dan mampu membuat pertimbangan terhadap apa jua isu yang ingin disuarakan. Sesungguhnya pihak universiti sentiasa bersama anda dalam memastikan kebajikan dan keperluan para pelajar di UMS sentiasa terjaga. Pihak universiti sememangnya memahami tanggungjawab berat yang anda pikul. Selain tugas sebagai mahasiswa dan mahasiswi yang terlibat dengan sesi kuliah, anda juga menjadi pemimpin seluruh pelajar di universiti ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Justeru, kepada para pelajar sekalian kenalilah pemimpin anda kerana merekalah yang akan menjadi penyalur maklumat mengenai apa jua yang ingin anda suarakan kepada pihak pengurusan universiti. Gunakanlah peluang pada majlis ini untuk berbincang bersama barisan kepimpinan dan mengenali mereka dengan lebih rapat. Sesungguhnya kerjasama para pelajar sekalian dengan barisan kepimpinan ini amat diperlukan untuk menjana keunggulan mahasiswa di universiti yang kita cintai ini. Melalui hubungan seumpama ini ia sekaligus juga akan dapat memupuk dan meningkatkan jalinan perpaduan erat dalam kalangan mahasiswa yang berbilang kaum dan agama.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa pelaksana yang telah memastikan Perhimpunan Agung Persatuan Mahasiswa 2010 dapat direalisasikan dengan jayanya. Setinggi—tinggi terima kasih juga kepada semua yang hadir bagi menjayakan majlis ini. Saya berharap semua pihak akan terus memberi kerjasama dan sokongan padu bagi memastikan universiti yang kita cintai ini terus maju dan unggul di rantau ini.

Dengan lafaz Bismillahir Ramanir Rahim, saya merasmikan Perhimpunan Agung Persatuan Mahasiswa 2010 peringkat Universiti Malaysia Sabah.

Sekian terima kasih.